KALENDAR PERISTIWA
Januari - Mac 2015

14 Januari

Gabenor Dr. Zeti menerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat bagi pembangunan kewangan Islam global pada Majlis Anugerah Ekonomi Islam Kedua di Dubai. Dalam ucapannya, beliau menyatakan usaha kolaborasi yang dipergiat untuk menambah baik infrastruktur kewangan Islam bagi mewujudkan sistem kewangan Islam global dan pelaburan dalam pembangunan modal insan yang diperlukan untuk menyokong industri kewangan ini. Belia juga berkongsi pengalaman dan aspirasi Malaysia dalam membuat perubahan untuk menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa dan usaha berterusan untuk menggalakkan sistem kewangan yang lebih inklusif bagi menyokong pertumbuhan yang lebih seimbang.

23 Januari

Bank Negara Malaysia mewujudkan Kemudahan Bantuan Khas berjumlah RM500 juta untuk meringankan masalah yang dihadapi oleh perusahaan perniagaan yang terjejas akibat banjir baru-baru ini. Di bawah Kemudahan ini, perniagaan yang terjejas boleh mendapatkan pembiayaan pada kadar yang lebih rendah daripada semua bank perdagangan, bank Islam dan institusi kewangan peserta lain yang terpilih. Kemudahan ini disediakan untuk PKS milik warganegara Malaysia yang terbabit di daerah yang dikenal pasti sebagai kawasan bencana banjir dengan jumlah pembiayaan maksimum sebanyak RM500,000 bagi setiap kumpulan syarikat . Kadar pembiayaan efektif yang dikenakan adalah sehingga 2.25 % setahun dan tempoh pembiayaan adalah sehingga lima tahun, dengan tempoh penangguhan bayaran selama enam bulan.

27 Januari

Jawatankuasa Kerja Bank-bank Pusat ASEAN Mengenai Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (ASEAN Working Committee on Payment and Settlement Systems, WCPSS) menerima pakai Prinsip Ketelusan dan Penzahiran Produk (Prinsip) untuk meningkatkan tahap ketelusan untuk caj dan peringkat perkhidmatan yang ditawarkan oleh institusi kewangan di rantau ASEAN bagi penyelesaian perdagangan merentas sempadan. Prinsip ini telah dirumuskan untuk memastikan pelanggan mempunyai maklumat penting yang jelas, tepat pada masanya, mudah didapati dan boleh dibandingkan untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi apabila membuat penyelesaian perdagangan merentas sempadan. Jawatankuasa Kerja ini juga bertujuan untuk menambah baik infrastruktur pembayaran dan penyelesaian negara anggota ASEAN yang sedia menyokong integrasi kewangan dalam kalangan Komuniti Ekonomi ASEAN.

28 Januari

Bank Negara Malaysia mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.25% pada mesyuarat pertama Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) tahun ini. Pada kadar OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal akomodatif berdasarkan perkembangan keadaan monetari dan kewangan.

MPC mengekalkan OPR pada mesyuarat seterusnya pada 5 Mac. Dalam penilaian MPC, meskipun pertumbuhan berbeza-beza dalam kalangan ekonomi maju, permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan ekonomi Asia. Bagi Malaysia, ekonomi dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil dengan permintaan dalam negeri sebagai pemacu pertumbuhan yang utama. Dalam sektor luaran, prestasi eksport perkilangan dijangka bertambah baik. MPC juga menyatakan bahawa inflasi asas dijangka terus terkawal dalam keadaan permintaan dalam negeri yang stabil.

MPC akan terus membuat penilaian mengenai perkembangan luaran dan dalam negeri serta implikasinya terhadap risiko kepada inflasi dan ekonomi Malaysia. MPC juga akan terus memantau risiko ketidakseimbangan kewangan bagi memastikan prospek pertumbuhan keseluruhan yang mampan.

12 Februari

Bank Negara Malaysia mengadakan sidang akhbar untuk mengumumkan KDNK suku keempat 2014. Gabenor Dr. Zeti menyatakan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 5.8% pada suku keempat 2014, didorong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta yang lebih kukuh. Dari segi penawaran, pertumbuhan terus disokong oleh sektor ekonomi utama, diterajui oleh aktiviti perdagangan dan aktiviti dalam negeri. Bagi tahun 2014, ekonomi Malaysia berkembang kukuh sebanyak 6.0%. Semasa sesi Soal Jawab, Gabenor Zeti turut memberi penjelasan terhadap beberapa salah tanggapan mengenai ekonomi Malaysia, termasuk peranan aktiviti minyak dan gas dalam ekonomi.

26 Februari

Bank Negara Malaysia dan United Kingdom Foreign dan Commonwealth Office bersama-sama menganjurkan mesyuarat kedua Kumpulan Kewangan dan Pelaburan Islam Global (Global Islamic Finance and Investment Group) di Sasana Kijang. Mesyuarat ini dipengerusikan bersama oleh Gabenor Dr. Zeti dan Rt. Hon. Hugo Swire, Minister of State di United Kingdom Foreign and Commonwealth Office. Kehadiran ahli dan para jemputan dari pelbagai negara menghasilkan dialog yang menarik mengenai peluang dan potensi penyelesaian untuk menangani cabaran dalam kewangan Islam global. Hasil utama daripada mesyuarat tersebut adalah untuk menambah baik komunikasi bagi memupuk pemahaman yang lebih baik mengenai kewangan Islam pada peringkat global dan untuk meningkatkan usaha bagi menghubungkan aliran dana kewangan Islam kepada keperluan infrastruktur dan menyokong pembangunan ekonomi pada peringkat global.

11 Mac

Bank melantik Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali dan Dr. Yeah Kim Leng sebagai ahli Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia dari luar Bank untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 1 April 2015. Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan pelantikan ahli dari luar Bank dalam Jawatankuasa Dasar Monetari. Pelantikan Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali dan Dr. Yeah Kim Leng akan mempertingkat kepakaran dan pengalaman kolektif yang berkaitan dengan tanggungjawab dan fungsi Jawatankuasa Dasar Monetari. Dengan pelantikan ini, Jawatankuasa Dasar Monetari kini mempunyai 10 orang ahli.

Pada hari yang sama, Bank mengumumkan Laporan Tahunan dan Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran tahun 2014.

Pada sidang akhbar berkenaan, Gabenor Dr. Zeti berkata bahawa ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada tahun 2014. Pasaran kewangan global juga mengalami turun naik yang lebih tinggi menjelang akhir tahun 2014, didorong oleh ketidakpastian berkaitan usaha untuk mengembalikan semula dasar monetari kepada keadaan yang wajar di AS dan kejatuhan harga komoditi yang mendadak.

Gabenor Dr. Zeti turut mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 6.0% pada tahun 2014, didorong terutamanya oleh permintaan dalam negeri swasta yang terus kukuh yang disokong sektor luaran yang bertambah baik. Untuk tahun 2015, ekonomi Malaysia dijangka mencatat pertumbuhan stabil antara 4.5% - 5.5%, disokong oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang mampan dan sektor eksport yang berdaya tahan. Menyentuh

tentang inflasi bagi tahun 2015, Gabenor berkata bahawa inflasi dijangka terkawal meskipun dengan pelaksanaan GST, terutamanya disebabkan kesan harga minyak yang lebih rendah. Inflasi diunjurkan antara 2-3%.

Gabenor Dr. Zeti turut menekankan bahawa kestabilan kewangan domestik terus terpelihara pada tahun 2014. Pasaran kewangan negara yang mendalam dan kehadiran pelabur institusi dalam negeri yang kukuh telah menyokong keadaan pasaran yang teratur meskipun terdapat aliran keluar bersih yang lebih tinggi. Selanjutnya, risiko yang timbul ekoran tahap keberhutangan isi rumah dan kenaikan harga harta tanah telah menjadi sederhana berikutan beberapa langkah yang diambil dengan peminjaman isi rumah baharu yang berkualiti lebih tinggi. Beliau juga menyatakan bahawa industri kewangan Islam terus mengekalkan momentum pertumbuhan pada tahun 2014.

Gabenor Dr. Zeti juga menarik perhatian kepada perkembangan penting lain dalam sektor kewangan Malaysia, seperti penubuhan Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan dan Lembaga Profesional Perkhidmatan Kewangan; penubuhan Asia School of Business – kerjasama antara Bank dengan Massachusetts Institute of Technology Sloan School of Management; pelantikan bank penjelasan renminbi; penguatkuasaan Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2015; dan transformasi Biro Pengantaraan Kewangan sedia ada kepada satu skim ombudsman kewangan sepenuhnya.

17 Mac

Bank mengumumkan pelantikan ahli-ahli baharu bagi Jawatankuasa Penyelesaian Pinjaman Kecil berkuat kuasa 1 Mac 2015. Datuk Wan Azhar Wan Ahmad telah dilantik sebagai Pengerusi. Jawatankuasa ini membuat penilaian secara bebas mengenai daya maju perniagaan PKS dan mencadangkan solusi pemulihan melalui penstrukturan semula atau penjadualan semula kemudahan pembiayaan yang sedia ada, atau menyediakan pembiayaan baharu, yang mana sesuai. Sejak diwujudkan pada tahun 2003, Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil telah menerima sebanyak 1,316 permohonan, dengan 916 daripadanya diluluskan untuk penstrukturan semula atau penjadualan semula. Daripada jumlah ini, kira-kira 50 peratus daripada PKS yang mendapat bantuan telah berupaya memperbaik keadaan aliran tunai perniagaan mereka, memulihkan kembali perniagaan dan seterusnya kekal berdaya maju.

27 Mac

Bank Negara Malaysia dan Hong Kong Monetary Authority (HKMA) bersama-sama menganjurkan Dialog Malaysia-Hong Kong Kedua mengenai Perniagaan Renminbi (RMB) Luar Pesisir di Johor Bahru. Dialog ini bertujuan untuk mewujudkan kerjasama lebih erat antara Malaysia dengan Hong Kong dalam pembangunan perniagaan RMB dan disertai oleh perwakilan kanan bank serta wakil korporat dan perniagaan dari Malaysia dan Hong Kong. Antara lain, Dialog ini mengkaji semula pencapaian terkini pengantarabangsaan RMB serta usaha berterusan untuk menjadikan akaun modal RMB boleh tukar.

29 Mac

Lelongan kedua wang kertas Malaysia dengan nombor siri istimewa oleh Bank Negara Malaysia diadakan di Sasana Kijang. Lelongan tersebut disertai oleh 113 pembida berdaftar, terdiri daripada pengumpul persendirian dan peniaga dari dalam dan luar negeri. Semua lot berjaya dilelong dengan jumlah hasil melebihi RM660,000 bagi jumlah nilai muka RM7,264. Hasil daripada lelongan akan disalurkan untuk menyokong program Tanggungjawab Sosial Korporat Bank Negara Malaysia, termasuk menyediakan peralatan percuma bagi membantu golongan kurang upaya penglihatan dan peruncit kecil mengenal pasti dan mengesahkan ketulenan wang kertas. Hasil jualan juga akan digunakan untuk program jangkauan bagi mendidik orang ramai mengenai teknik pengesahan wang kertas dan duit syiling selain cara pengendalian wang kertas polimer yang betul.

Akronim dan Singkatan

ABIF	Rangka Kerja Integrasi Perbankan ASEAN
ADB	Bank Pembangunan Asia
AFI	Persekutuan bagi Rangkuman Kewangan
ALR	kadar pinjaman purata
AS	Amerika Syarikat
BI	Bank Indonesia
BIS	Bank for International Settlements
BLR	kadar pinjaman asas
BNM	Bank Negara Malaysia
BNMN	Nota Monetari Bank Negara
BoE	Bank of England
BoJ	Bank of Japan
BOP	Imbangan Pembayaran
BR	Kadar Asas
CET1	ekuiti biasa kumpulan 1
DIA	pelaburan langsung luar negeri
DSR	nisbah khidmat bayaran hutang
E&E	elektronik dan elektrik
E&O	Kesilapan dan Ketinggalan
ECB	European Central Bank
EOR	perolehan minyak lebih tinggi
EU	Kesatuan Eropah
ETP	Program Transformasi Ekonomi
FBM KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia
FD	deposit tetap
FDI	pelaburan langsung asing
Fed	Federal Reserve
FOMC	Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan
FSB	Lembaga Kestabilan Kewangan
GFP	barangan untuk diproses
GIFF	Forum Kewangan Islam Global
GII	Terbitan Pelaburan Kerajaan
GST	Cukai Barangan dan Perkhidmatan
HoA	Heads of Agreement
HQLA	aset mudah tunai berkualiti tinggi
HSDPA	High-Speed Downlink Packet Access
ICR	nisbah perlindungan faedah
IDB	Bank Pembangunan Islam
IHP	Indeks Harga Pengguna
IHPR	Indeks Harga Pengeluar
IILM	Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa
IKBB	institusi kewangan bukan bank
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
IT	teknologi maklumat
JCC	Japanese Crude Coktail
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KLCI	Indeks Komposit Kuala Lumpur
KLIBOR	Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan
LCR	Nisbah Perlindugan Mudah Tunai

LNG	gas asli cecair
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
MHPI	Indeks Harga Rumah Malaysia
MIDA	Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
MIER	Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia
MoU	Memorandum Persefahaman
MPC	Jawatankuasa Dasar Monetari
MSIC	Klasifikasi Standard Perindustrian Malaysia
OPEC	Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum
OPR	Kadar Dasar Semalaman
PBOC	People's Bank of China
PDS	sekuriti hutang swasta
PKS	perusahaan kecil dan sederhana
PMI	Indeks Pembelian Pengurus
PMTK	pembentukan modal tetap kasar
PNK	Pendapatan Negara Kasar
PTP	Pelabuhan Tanjung Pelepas
QAB	Bank ASEAN yang Bertauliah
QE	pelonggaran kuantitatif
RBI	Reserve Bank of India
RM	Ringgit Malaysia
RR China	Republik Rakyat China
SDA	Akaun Deposit Khas
SNA	Sistem Akaun Negara
SNB	Swiss National Bank
SRR	Keperluan Rizab Berkanun
UK	United Kingdom